

PERSEPSI GURU BAHASA MELAYU TENTANG PENGGUNAAN KADEAH PEMBELAJARAN BERASASKAN MASALAH DALAM PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN KOMSAS

Malay Language Teacher's Perception on the Use of Problem-Based Learning Methods in Learning and Facilitating on KOMSAS

Zamri Mahamod
d-zam@ukm.edu.my

Jamilah Hassan
ilamiftahul88@gmail.com

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Kajian tinjauan ini bertujuan untuk mengenal pasti persepsi guru-guru Bahasa Melayu tentang penggunaan kaedah pembelajaran berasaskan masalah (PBM) dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) komponen sastera (KOMSAS). Persepsi guru Bahasa Melayu ini merujuk kepada tahap pengetahuan, tahap kemahiran pelaksanaan dan tahap sikap guru dalam PdPc Bahasa Melayu menggunakan bahan KOMSAS. Sampel terdiri daripada 219 orang guru Bahasa Melayu yang mengajar di daerah Gua Musang (8 sekolah menengah), Kuala Krai (10 sekolah menengah) dan Machang (8 sekolah menengah) di Kelantan. Pemilihan sampel dibuat secara rawak. Pengumpulan data adalah melalui soal selidik menggunakan skala Likert 1 hingga 5. Data dianalisis dalam bentuk deskriptif dan inferensi. Analisis deskriptif meliputi analisis frekuensi, min dan sisihan piawai. Hasil dapatan deskriptif ialah pengetahuan min 2.63, kemahiran pelaksanaan min 3.18 dan sikap min 3.63. Implikasi kajian ini ialah guru-guru Bahasa Melayu perlu diberi lebih pendedahan tentang PBM semasa pengajaran KOMSAS. Pengetahuan guru untuk melaksanakan PBM dalam KOMSAS berada pada tahap sederhana. Walaupun guru mempunyai sikap yang positif penggunaan PBM dalam PdPc KOMSAS, tetapi kurangnya pengetahuan dan kemahiran melaksanakan PBM dalam PdPc KOMSAS Bahasa Melayu menjadi kurang berkesan.

Kata kunci: Pengetahuan, kemahiran pelaksanaan, sikap, guru Bahasa Melayu, sekolah menengah, komponen sastera (KOMSAS)

ABSTRACT

This survey study aims to identify the perceptions of Malay teachers on the use of problem-based learning (PBM) in learning and facilitating (PdPc) literary components (KOMSAS). The perception of the Malay teachers refers to the level of knowledge, the level of implementation skills and the level of teacher's attitude in Language PdPc using KOMSAS materials. The sample comprised of 219 Malay teachers teaching in Gua Musang (8 secondary schools), Kuala Krai (10 secondary schools) and Machang (8 secondary schools) in Kelantan. Sample selection is randomly intended. Data collection is through questionnaire using Likert scale 1 to 5. Data was analyzed in the form of descriptive and inference analysis of frequency, mean and standard deviation. Descriptive findings are mean knowledge 2.63, skill execution mean 3.18 and mean attitude 3.63. The implication of this study is that teachers of Bahasa Melayu should be given more exposure on PBM during the teaching of KOMSAS. Teachers' knowledge to implement PBM in KOMSAS is at a simple stage. Although teachers have a positive attitude and high usage of PBM in PdPc KOMSAS, they lack knowledge and skills in implementing PBM which makes PdPc KOMSAS Malay Language less effective.

Keywords: Knowledge, skill of implementation, attitude, Malay Language teachers', secondary school, literature component

PENGENALAN

Pendidikan masa kini menuntut semua guru perlu memiliki pelbagai pengetahuan, kemahiran dan sikap yang profesional. Hal ini kerana setiap orang yang bergelar ‘guru’ perlu menyediakan diri mereka dengan ilmu pengetahuan, sahsiah diri yang positif dan kaedah pengajaran yang berkesan atau kemahiran pedagogi bagi menarik minat pelajar untuk belajar. Setiap guru pasti merasakan bahagian yang paling sukar dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc). Seorang guru yang berjaya dan berkesan merupakan seorang guru yang mempunyai kecekapan yang mendalam dalam bidang atau subjek yang diajar (Zamri Mahamod, 2014).

Guru adalah salah satu komponen penting semasa proses PdPc, tingkah laku guru memberi impak yang besar terhadap proses PdPc. Guru merupakan penggerak kepada semua proses PdPc, sama ada di dalam atau luar bilik darjah. Dalam proses PdPc, guru perlu bijak merancang mengikut keperluan individu, kumpulan dan keseluruhan kelas. Menurut Saemah Rahman dan Zamri Mahamod (2016), seseorang guru perlu kreatif dalam PdPc mereka. Guru yang kreatif akan menjadikan satu-satu sesi PdPc itu menyeronokkan. Guru juga perlu mempelbagaikan kaedah PdPc mereka supaya aktiviti pembelajaran menyeronokkan pelajar (Zamri Mahamod, 2014; Saemah Rahman dan Zamri Mahamod, 2017).

Guru juga perlu memulakan inovasi yang baharu dengan menggunakan kaedah-kaedah terkini dan tidak berpegang kepada peranan guru yang terdahulu iaitu sebagai penyampai pengetahuan, gurulah yang banyak bercakap dan menyoal. Kini peranan guru lebih penting sebagai pemudah cara dalam proses PdPc. Sebagai pemudah cara, guru perlu lebih sedia dan peka mewujudkan dan menggunakan situasi-situasi pembelajaran secara cekap dan berkesan. Guru perlu menyusun unit pembelajaran mengikut urutan yang bersesuaian dengan hasil pembelajaran (Habsah Mohamed, 2014). Guru perlu mempunyai pengetahuan, kemahiran dan sikap yang komprehensif terhadap bidang yang diajar serta kaedah yang digunakan dalam proses PdPc. Guru seharusnya sentiasa meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam subjek diajar agar sentiasa menarik minat pelajar terhadap subjek yang diajar.

PERNYATAAN MASALAH

Tujuan penerapan KOMSAS dalam pendidikan Bahasa Melayu adalah untuk menarik minat pelajar meminati dan mendalami serta memahami karya sastera. KOMSAS dilihat sebagai alternatif kepada subjek Sastera di tingkatan 4 dan 5. Permasalahan utama adalah guru tidak memahami sukanan pelajaran KOMSAS itu sendiri. Penguasaan guru terhadap pengetahuan kandungan KOMSAS sama ada isi kandungan, jenis atau kategori cerita dan keupayaan pelajar penting bagi tujuan keberkesanan pengajaran. Menurut Rozaiman Makmun (2015), pengetahuan kandungan ialah pengetahuan tentang kandungan subjek yang diajarkan oleh guru. Permasalahan utama adalah guru tidak memahami sukanan pelajaran KOMSAS itu sendiri. Menurut Zamri Mahamod (2014, 2016), terdapat banyak masalah yang masih wujud dan kekeliruan yang dihadapi oleh guru tidak kira dari aspek pedagogi atau ilmu kesusasteraan dalam proses pelaksanaan KOMSAS.

Selain itu, guru sukar untuk beralih daripada pengajaran secara tradisional kepada pengajaran berpusatkan pelajar kerana pelajar masih lagi bergantung dengan kaedah pengajaran berasaskan buku teks. Hal ini dibuktikan melalui kajian Rozaiman Makmun (2015) yang meninjau pengajaran, mengenal pasti pendekatan dan kaedah yang digunakan oleh guru dan mengkaji masalah yang dihadapi oleh guru dalam pengajaran KOMSAS Bahasa Inggeris menunjukkan guru lebih banyak menggunakan strategi berpusatkan guru berbanding pelajar. Menurut Alexander dan Mc. Dougall (2001), ramai pengajar berpendapat kaedah pengajaran tradisional sesuai kerana bilangan pelajar yang ramai serta lebih berorientasikan peperiksaan daripada strategi pembelajaran aktif.

Dalam pelaksanaan sesuatu kaedah, guru memainkan peranan penting bagi memastikan kaedah yang dilaksanakan berjaya serta membantu dalam meningkatkan prestasi dan minat pelajar dalam sesuatu mata pelajaran. Oleh itu, guru perlu mempunyai pengetahuan tentang kaedah yang digunakan dan bersikap positif terhadap kaedah tersebut. Menurut Kalu *et al.* (2005), ciri guru seperti pengetahuan, sikap dan lain-lain merupakan faktor kritikal dalam menentukan kejayaan pelaksanaan sesuatu kurikulum. Setiap masalah dalam pelaksanaan strategi pengajaran perlu diberi perhatian dan perlu

diatasi dengan segera supaya matlamat kurikulum yang dirancang dapat mencapai objektifnya. Menurut Arniza Mohktar dan Zamri Mahamod (2018), bagi menjadikan pengajaran berkesan, guru perlu bijak merancang dan menggunakan gabungan pelbagai kaedah dan sumber yang ada dan difikirkan berkesan dalam pengajaran. Dalam usaha menarik minat pelajar terhadap KOMSAS, guru perlu peka terhadap kaedah pengajaran yang sesuai dengan KOMSAS supaya ia dapat mempengaruhi strategi pembelajaran pelajar. Chew Fong Peng (2009), kaedah semasa pengajaran KOMSAS masih menggunakan kaedah tradisional yang menyebabkan pengajaran tidak berkesan dan membosankan.

Kajian berkaitan pengetahuan, kemahiran dan sikap guru tentang kaedah PBM dalam pembelajaran KOMSAS Bahasa Melayu belum pernah dijalankan. Kebanyakan kajian yang berkaitan PBM lebih menjurus kepada kajian untuk melihat keberkesanan kaedah PBM. Hal ini dibuktikan melalui kajian Gulsum Araz dan Semra Sungur (2007), Suzilawati Shamsudin (2007) dan Rohani Aziz (2011). Kajian berkaitan berkaitan ketiga-tiga aspek penting dalam pelaksanaan sesuatu kaedah oleh guru. Hal ini kerana guru dan pelajar adalah saling berkaitan. Tanpa pemahaman guru tentang kaedah yang digunakan menyebabkan pembelajaran pelajar akan terjejas. Hal ini bersesuaian dengan apa yang dirumuskan oleh Rozaiman Makmun (2015) yang menyatakan bahawa peranan guru dan pelajar semakin penting dalam abad ke-21.

Bagi mencapai keberkesanan maksimum dalam PdPc KOMSAS, guru haruslah mewujudkan perancangan atau strategi yang mantap. Pelaksanaan KOMSAS memerlukan guru yang bukan sahaja menguasai bahan dengan baik, tetapi juga harus cekap, bijaksana dan yakin diri dalam lapangannya serta kreatif dan berketerampilan dalam memanfaatkan multiteknik pengajaran yang relevan dengan tahap prestasi pelajar, situasi dan persekitaran bagi mencapai objektif-objektif pengajaran KOMSAS. Penguasaan guru terhadap bahan KOMSAS, sama ada isi kandungan, jenis atau kategori cerita, keupayaan pelajar penting dan pengetahuan tentang kaedah yang digunakan adalah penting bagi tujuan keberkesanan pengajaran. Menurut Nur Aisyah Mohd Noor (2011), guru perlu lebih bijak untuk mengambil peluang dalam mempelbagaikan kaedah untuk mewujudkan pembelajaran yang lebih bermakna.

TUJUAN DAN OBJEKTIF KAJIAN

Tujuan kajian ini dilakukan untuk melihat tahap pengetahuan tentang PBM, kemahiran pelaksanaan kaedah PBM dalam pengajaran KOMSAS dan sikap guru Bahasa Melayu terhadap kaedah PBM apabila mengajar KOMSAS. Selaras dengan tujuan kajian, objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Mengenal pasti tahap pengetahuan guru tentang PBM semasa mengajar KOMSAS Bahasa Melayu.
2. Mengenal pasti tahap kemahiran pelaksanaan guru menggunakan kaedah PBM semasa mengajar KOMSAS Bahasa Melayu.
3. Mengenal pasti tahap sikap guru menggunakan kaedah PBM semasa mengajar KOMSAS Bahasa Melayu.

METODOLOGI

Kajian ini telah dilaksanakan melalui kaedah tinjauan bagi tujuan proses pengumpulan data. Dalam kajian ini, populasi terdiri daripada guru-guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah-sekolah menengah kebangsaan di tiga daerah yang dikaji, iaitu daerah Gua Musang, Kuala Krai dan Machang Kelantan.

JADUAL 1 Jadual responden yang terlibat mengikut daerah

Lokasi Sekolah	Soal Selidik yang Diedar	Soal Selidik yang Diterima
GUA MUSANG (A1)		
S.M.K Seri Wangi	4	4
S.M.K Bandar Chiku	16	16
S.M.K Sungai Asap	9	9
S.M.K Tengku Bendahara	10	8
S.M.K Chiku 02	9	8
S.M.K Tengku Indra Petra 1	13	13
S.M.K Tengku Indra Petra 2	11	11
S.M.K Paloh	10	5
Jumlah Keseluruhan	82	74
KUALA KRAI (A2)		
S.M.K Yahya Petra 1	11	11
S.M.K Bandar Kuala Krai	6	6
S.M.K Manik Urai	7	7
S.M.K Keroh	10	7
S.M.K Yahya Petra 2	10	7
S.M.K Mengkebang	14	9
S.M.K Dabong	13	13
S.M.K Pahi	8	8
S.M.K Laloh	7	7
S.M.K Kuala Krai	8	8
Jumlah Keseluruhan	94	83
MACHANG (A3)		
S.M.K Bandar Machang	7	6
S.M.K Hamzah 1	20	10
S.M.K Seri Intan	10	10
S.M.K Pangkal Meleret	6	6
S.M.K Abdul Samad	14	7
S.M.K Machang	17	11
S.M.K Temangan	7	7
S.M.K Hamzah	12	5
Jumlah Keseluruhan	93	62
Jumlah Populasi	269	219

Jumlah guru yang merupakan sampel adalah seramai saiz sampel seramai 219 orang guru Bahasa Melayu adalah memenuhi piawaian formula dan jadual penentuan saiz sampel oleh Krejcie dan Morgan (1970). Dalam kajian ini, bermakna saiz sampel tersebut boleh digeneralisasikan kepada guru Bahasa Melayu di ketiga-tiga daerah tersebut dan digeneralisasikan sebagai mewakili populasi. Berdasarkan kajian yang dilakukan, jumlah guru yang merupakan sampel adalah seramai Saiz sampel seramai 219 orang guru Bahasa Melayu adalah memenuhi piawaian formula dan jadual penentuan saiz sampel oleh Krejcie dan Morgan. Dalam kajian ini, bermakna saiz sampel tersebut boleh digeneralisasikan kepada guru Bahasa Melayu di ketiga-tiga daerah tersebut dan digeneralisasikan sebagai mewakili populasi.

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah satu set borang soal selidik yang diedarkan kepada responden bagi mendapatkan maklum balas. Dalam kajian ini, set soal selidik ini diadaptasi oleh penyelidik menggunakan Bahasa Melayu berdasarkan rujukan pada soal selidik yang lepas berdasarkan kajian oleh Kamaruddin Ismail (2010) yang merangkumi 4 bahagian. Bahagian A merangkumi latar belakang responden, Bahagian B berkaitan dengan pengetahuan guru tentang PBM sebanyak 9 item dengan menggunakan 5 kategori pemeringkatan skala Likert, iaitu (1) tidak berpengetahuan, (2) sedikit berpengetahuan, (3) sederhana berpengetahuan, (4) berpengetahuan dan (5) sangat berpengetahuan.

Bahagian ketiga, iaitu bahagian C berkaitan dengan kemahiran pelaksanaan guru menggunakan kaedah PBM mengandungi 10 soalan dengan melihat hasil melalui skala Likert yang diperingkatkan kepada lima kategori iaitu (1) tidak pernah, (2) sekali sekala, (3) jarang-jarang, (4) selalu dan (5) selalu.

Bahagian D pula berkaitan dengan sikap yang dan menggunakan skala pemeringkatan likert iaitu (1) sangat tidak setuju,(2) tidak setuju, (3)tidak pasti,(4) setuju dan (5) sangat setuju.

Data dianalisis secara deskriptif dengan mencari nilai kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai. Data dianalisis menggunakan SPSS versi 22.0. Bagi penilaian skor min dalam menginterpretasi skor min,pengkaji menggunakan interpretasi skala likert oleh Kamaruzaman Moidunny (2009), iaitu skor min 1.0 -1.8 Sangat Rendah, 1.9 -2.6 Rendah, 2.7-3.4 Sederhana, 3.5-4.2 Tinggi dan 4.3-5.0 Sangat Tinggi.

DAPATAN KAJIAN

PROFIL RESPONDEN

Jadual 2 menunjukkan taburan responden yang terlibat dalam kajian ini. Daripada soal selidik yang diedarkan, seramai 219 orang guru Bahasa Melayu mengembalikan soal selidik tersebut. Responden yang paling ramai adalah terdiri daripada guru yang berada di daerah Gua Musang seramai 83 orang (37.9%), Kuala Krai seramai 74 orang (33.8%) dan Machang seramai 62 orang (28.3%). Daripada jumlah tersebut, seramai 66 orang guru (30.1%) adalah responden lelaki, manakala 153 orang guru (69.9%) adalah responden perempuan. Majoriti responden adalah terdiri daripada responden yang mengajar di kawasan luar bandar, iaitu 161 orang (73.5%) dan hanya 58 orang (26.5%) responden mengajar di kawasan bandar..

Dari segi pengalaman mengajar, majoriti guru mempunyai pengalaman mengajar di antara 11 hingga 20 tahun, iaitu 126 orang (57.5%). Responden yang mempunyai pengalaman lebih 21 tahun adalah seramai 58 orang (26.5%), 4 hingga 10 tahun adalah seramai 29 orang (13.2%) dan 3 tahun ke bawah adalah seramai 6 orang (2.7%).

Taburan responden yang terlibat dalam kajian ini juga dilihat berdasarkan kepada pendedahan yang diperoleh oleh responden tentang PBM menunjukkan ramai responden memperoleh pendedahan tentang PBM daripada Institut Pendidikan Guru (IPG)/Universiti iaitu seramai 85 orang (38.8%). Seramai 51 orang (23.3%) responden tidak pernah mendapat pendedahan tentang PBM, 36 orang (16.4%) responden yang mendapat pendedahan secara informal dan 28 orang (12.8%) responden memperoleh pendedahan melalui kursus dalaman sekolah dan 19 orang (8.7%) mendapat pendedahan tentang PBM melalui kursus dalaman.

JADUAL 2 Demografi responden kajian

	Pernyataan	Kekerapan (N=219)	Peratusan (%)
Daerah	Gua Musang	83	37.9
	Kuala Krai	74	33.8
	Machang	62	28.3
Jantina	Lelaki	66	30.1
	Perempuan	153	69.9
Lokasi sekolah	Bandar	58	26.5
	Luar bandar	161	73.5
Pengalaman mengajar	Kurang 3 tahun	6	2.7
	4 hingga 10 tahun	29	13.2
	11 hingga 20 tahun	126	57.5
	Lebih 21 tahun	58	26.5
Pendedahan tentang PBM	Dari IPG/Universiti	85	38.8
	Tidak mendapat pendedahan	51	23.3
	Mendapat pendedahan formal	36	16.4
	Mendapat pendedahan informal	28	12.8
	Melalui kursus dalaman	19	8.7

TAHAP PENGETAHUAN GURU BAHASA MELAYU TENTANG KADEAH PEMBELAJARAN BERPUSATKAN MASALAH SEMASA MENGAJAR KOMSAS

Analisis deskriptif ini dilakukan untuk melihat tahap pengetahuan guru Bahasa Melayu tentang kaedah Pembelajaran PBM. Tahap pengetahuan diukur berdasarkan kepada soalan-soalan yang telah dikemukakan melalui soal selidik. Berdasarkan kepada Jadual 3, didapati item persoalan menunjukkan min yang diperoleh kebanyakannya berada pada tahap rendah. Item yang mencatat min yang tertinggi adalah item yang berkaitan dengan ‘*Peranan guru dalam melaksanakan kaedah PBM*’, iaitu min 2.84. Hal ini menunjukkan bahawa min berada pada tahap yang sederhana diikuti ‘*Kesesuaian melaksanakan kaedah PBM berdasarkan topik-topik tertentu dalam KOMSAS*’ dengan min 2.75 dan item ‘*Kelebihan melaksanakan PBM*’ dengan min 2.72 iaitu pada tahap sederhana. Item yang paling rendah nilai min ialah item ‘*Teori-teori PBM*’ yang mendapat min 2.41. Min keseluruhan ialah 2.63 dengan sisihan piawai 1.08 yang dikategorikan sebagai tahap rendah.

Rumusan dapanan ialah guru-guru Bahasa Melayu mengetahui tentang kaedah PBM secara umum sahaja dan tahu melaksanakan kaedah PBM. Namun demikian, guru tidak mengetahui secara terperinci tentang kaedah PBM tersebut. Hal ini mungkin salah satu halangan buat guru untuk mengaplikasikan dalam proses PdPc. Oleh itu, tahap pengetahuan guru Bahasa Melayu tentang PBM adalah rendah. Justeru, guru perlu meningkatkan pengetahuan mereka tentang kaedah PBM supaya dapat meningkatkan kualiti pengajaran menggunakan kaedah tersebut. Dalam proses PdPc menggunakan sesuatu kaedah PBM, guru perlulah mempunyai pengetahuan tentang konsep sesuatu kaedah dan mengetahui ciri-ciri tentang kaedah yang digunakan supaya guru-guru dapat membezakan antara pembelajaran secara kumpulan dan pembelajaran secara tradisional.

JADUAL 3 Tahap pengetahuan guru Bahasa Melayu tentang kaedah PBM dalam PdPc KOMSAS

Bil.	Saya tahu tentang kaedah PBM iaitu:	Min	Sisihan Piawai	Tahap Min
1	Definisi PBM	2.61	1.12	Rendah
2	Teori-teori PBM	2.41	1.04	Rendah
3	Ciri-ciri utama kaedah PBM	2.47	1.06	Rendah
4	Perbezaan kaedah PBM dan kaedah pembelajaran secara tradisional	2.65	1.07	Rendah
5	Persamaan kaedah PBM dan kaedah pembelajaran secara tradisional	2.61	1.07	Rendah
6	Kelebihan melaksanakan kaedah PBM	2.72	1.08	Sederhana
7	Kaedah melaksanakan pembelajaran menggunakan kaedah PBM yang terancang.	2.61	1.05	Rendah
8	Kesesuaian melaksanakan kaedah PBM berdasarkan topik-topik tertentu dalam KOMSAS	2.75	1.12	Sederhana
9	Peranan guru dalam melaksanakan kaedah PBM	2.84	1.12	Sederhana
Min Keseluruhan		2.63	1.08	Rendah

TAHAP KEMAHIRAN PELAKSANAAN PEMBELAJARAN BERPUSATKAN MASALAH DALAM KALANGAN GURU BAHASA MELAYU SEMASA MENGAJAR KOMSAS

Analisis deskriptif juga digunakan untuk menjawab dan melihat tahap kemahiran pelaksanaan kaedah PBM dalam kalangan guru Bahasa Melayu apabila melaksanakan PdPc KOMSAS. Berdasarkan kepada Jadual 5, item yang mempunyai skor min yang paling tinggi ialah item ‘*Memberi ruang yang luas untuk pelajar mengemukakan idea, pandangan dan dapatan dalam sesi perbincangan atau sesi pembentangan*’ dengan skor min 3.41 dan item ‘*Memberi bantuan kepada kumpulan yang memerlukan bantuan interpersonal*’ dengan skor min 3.41. Item yang mempunyai skor min yang paling rendah iaitu min 2.67 dirujuk kepada item ‘*Mengagihkan pelajar-pelajar mengikut pelbagai latar belakang di dalam kumpulan*’. Min keseluruhan ialah 3.18 dengan sisihan piawai 1.03 yang dikategorikan sebagai tahap sederhana.

Rumusannya, kesemua item lain berkaitan dengan tahap kemahiran pelaksanaan masih berada di tahap sederhana. Hal ini menunjukkan bahawa guru mempunyai kemahiran yang sederhana sahaja dalam usaha melaksanakan kaedah PBM. Hal ini mungkin berkait dengan pengetahuan guru tentang PBM yang masih rendah. Oleh itu, dalam usaha meningkatkan kemahiran guru dalam pelaksanaan kaedah PBM dalam PdPc KOMSAS, setiap guru perlu mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang kaedah PBM yang ingin digunakan semasa mengajar KOMSAS Bahasa Melayu.

Jadual 4. Tahap kemahiran pelaksanaan guru Bahasa Melayu tentang kaedah PBM dalam PdPc KOMSAS

Bil.	Saya mempunyai kemahiran melaksanakan PBM iaitu:	Min	Sisihan Piawai	Tahap Min
1	Mengagihkan pelajar mengikut pelbagai latar belakang di dalam kumpulan.	2.67	0.98	Rendah
2	Menyediakan rancangan mengajar dan bahan yang menyumbang kepada penyelesaian masalah bersama	3.09	1.07	Sederhana
3	Memberi ruang dan peluang kepada pelajar untuk menstrukturkan kepimpinan kumpulan masing-masing	3.04	1.02	Sederhana
4	Memberi penekanan kepada kemahiran dan penglibatan pelajar dalam menyelesaikan masalah	3.27	1.03	Sederhana
5	Menyusun kedudukan pelajar yang boleh memudahkan pemerhatian dan pengawalan oleh guru serta memudahkan proses perbincangan pelajar	3.13	1.01	Sederhana
6	Memberi ruang yang luas untuk pelajar mengemukakan idea, pandangan dan dapatan dalam sesi perbincangan/sesi pembentangan.	3.41	1.04	Sederhana
7	Memberi bantuan kepada kumpulan yang memerlukan bantuan interpersonal	3.41	1.02	Sederhana
8	Pemudah cara dan bukannya pemberi maklumat secara terus	3.38	1.01	Sederhana
9	Memberikan penggredan dan peneguhan kepada pelajar selepas PBM	3.21	1.03	Sederhana
10	Membuat penilaian dan refleksi terhadap keberkesanan kaedah PBM yang digunakan	3.17	1.05	Sederhana
Min Keseluruhan		3.18	1.03	Sederhana

TAHAP SIKAP GURU BAHASA MELAYU TERHADAP PEMBELAJARAN BERASASKAN MASALAH SEMASA MENGAJAR KOMSAS

Merujuk kepada Jadual 5, terdapat tiga item yang mempunyai nilai min yang sederhana, iaitu item item ‘*PBM adalah praktikal dari segi teori dan implementasi*’ iaitu min 3.48 dan ‘*PBM mampu mengurangkan beban tugas guru*’ dengan nilai min 3.44. Item yang mempunyai nilai min yang tinggi iaitu 3.74, iaitu item ‘*PBM boleh membentuk nilai-nilai murni dan interaksi sosial yang positif*’. Item yang mempunyai nilai min terendah ialah ‘*Pelaksanaan kaedah PBM memudahkan guru menghabiskan sukanan pelajaran*’ iaitu 3.43 tetapi masih di tahap yang sederhana. Min keseluruhan ialah 3.60 dan sisihan piawai 0.83 yang dikategorikan sebagai tahap tinggi.

Sebagai rumusan, sikap guru Bahasa Melayu tentang kaedah PBM ini adalah tinggi. Guru-guru mempunyai sikap sangat positif untuk menggunakan kaedah PBM dalam PdPc KOMSAS Bahasa Melayu. Namun, kekurangan pengetahuan dan kemahiran melaksanakan PBM ini membataskan keberkesanan penggunaan kaedah PBM dalam PdPc KOMSAS khususnya dan tajuk-tajuk lain dalam mata pelajaran Bahasa Melayu secara amnya.

JADUAL 5 Tahap sikap guru Bahasa Melayu tentang kaedah PBM dalam PdPc KOMSAS

Bil.	Sikap saya tentang PBM ialah:	Min	Sisihan Piawai	Tahap Min
1	Salah satu kaedah pedagogi yang sesuai dalam pengajaran KOMSAS.	3.64	0.80	Tinggi
2	PBM boleh meningkatkan pencapaian akademik pelajar	3.64	0.76	Tinggi
3	PBM boleh membentuk nilai-nilai murni dan interaksi sosial yang positif.	3.74	0.84	Tinggi
4	PBM mewujudkan suasana pembelajaran yang menggalakkan.	3.66	0.82	Tinggi
5	PBM akan berkesan apabila dilaksanakan dengan terancang	3.82	0.85	Tinggi
6	PBM mampu mengurangkan beban tugas guru	3.44	0.89	Sederhana
7	Terdapat perubahan positif sikap pelajar terhadap KOMSAS berbanding pembelajaran secara tradisional	3.56	0.81	Tinggi
8	PBM adalah praktikal dari segi teori dan implementasi	3.48	0.78	Sederhana
9	Pelaksanaan kaedah PBM memudahkan guru menghabiskan sukanan pelajaran	3.43	0.89	Sederhana
10	PBM dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih terkawal.	3.55	0.83	Tinggi
Min Keseluruhan		3.60	0.83	Tinggi

PERBINCANGAN

Secara keseluruhannya, guru perlu mempunyai pengetahuan tidak kira dari aspek subjek itu sendiri, guru mestilah mempunyai pengetahuan yang mendalam mengenai subjek yang diajarkannya atau kaedah yang ingin digunakan. Menurut Magdeline anak Nor dan Zamri Mahamod (2016), guru sebagai penterjemah kurikulum di sekolah harus mempunyai pengetahuan, kefahaman dan keyakinan dalam menyampaikan pengajaran kepada pelajar supaya dapat menjayakan proses pengajaran yang dirancang. Sebelum menggunakan kaedah PBM, guru perlu mempunyai pengetahuan terlebih dahulu tentang kaedah PBM, kemahiran untuk melaksanakan kaedah PBM ke dalam subjek yang diajar dan bersikap positif terhadap kaedah yang ingin digunakan dengan menganggap kaedah tersebut dapat membantu pelajar memahami apa yang dipelajari.

Berdasarkan hasil kajian yang telah diperolehi menunjukkan bahawa tahap pengetahuan guru berada pada tahap rendah terhadap kaedah PBM. Dapatkan ini adalah bertentangan dengan hasil kajian yang diperolehi oleh kajian Rosnaini Mahmud (2006) dan Rohani Aziz (2011) yang mendapati tahap pengetahuan guru-guru di Malaysia berada pada tahap sederhana serta dapatkan kajian Siti Zaleha Mohd

Nor (2015) yang mana dapatan beliau menunjukkan pengetahuan guru berada di tahap yang tinggi. Hal ini menunjukkan bahawa guru Bahasa Melayu tidak sinonim lagi dengan kaedah PBM yang mana memerlukan penambahbaikan melalui pendedahan terhadap kaedah PBM melalui seminar, kursus dan sebagainya. Oleh itu, pendedahan tentang kaedah-kaedah terkini yang membantu proses pengajaran dan membantu pelajar untuk bertindak aktif dalam proses PdPc perlu didedahkan dengan lebih efektif kepada guru. Pengetahuan seseorang guru amat penting supaya guru dapat memanfaatkan kaedah-kaedah tersebut dalam pengajaran.

Seterusnya, guru juga perlu menguasai kemahiran yang digunakan. Menurut Kamarul Azmi Jasmi dan Ab. Halim Tamuri (2008), menguasai pelbagai kemahiran perlu bagi seseorang guru kerana guru berperanan untuk mendidik seseorang individu menjadi lebih baik dan memberikan penilaian terhadap pelajar. Berdasarkan hasil kajian yang telah diperoleh menunjukkan bahawa tahap kemahiran pelaksanaan guru menggunakan kaedah PBM adalah sederhana. Hal ini mungkin disebabkan oleh pendedahan yang diperoleh guru tentang kaedah PBM. Berdasarkan dapatan berkaitan pendedahan menunjukkan masih ramai guru yang tidak mendapat pendedahan tentang kaedah PBM, iaitu sebanyak 23.3%. Secara umumnya dapat dilihat bahawa kemahiran pelaksanaan berkait rapat dengan pengetahuan dan seterusnya pengetahuan juga mempunyai kaitan dengan pendedahan yang diperolehi. Oleh itu, dalam usaha meningkatkan kemahiran pelaksanaan, guru perlulah diberi lebih pendedahan tentang kaedah PBM supaya dapat meningkatkan kefahaman guru terhadap kaedah yang diaplikasikan dalam PdPc (Alizah Lambri dan Zamri Mahamod, 2016).

Bagi sikap pula menunjukkan bahawa min keseluruhan adalah tinggi iaitu 3.63. Ini menunjukkan bahawa guru bersikap positif terhadap kaedah PBM. Sikap yang positif penting bagi menjadikan PdPc yang cemerlang. Hal ini menunjukkan sikap positif guru tentang kaedah adalah tinggi. Hal ini dapat membantu meningkatkan usaha guru untuk mempelajari tentang kaedah PBM. Dapatkan ini menyamai kajian yang dijalankan oleh Zanariah Wahab (2017) yang mengkaji sikap guru Bahasa Melayu ketika mengajar menggunakan kaedah didik hibur. Guru mempunyai sikap yang sangat positif untuk menggunakan kaedah didik hibur ini dalam PdPc Bahasa Melayu.

Kesimpulannya, dalam usaha meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pelaksanaan guru tentang kaedah PBM, sikap positif amat penting tidak kira terhadap sesuatu kaedah yang digunakan ataupun kesungguhan seseorang guru itu sendiri untuk mendalami tentang kaedah PBM untuk memberi keberkesaan dalam PdPc KOMSAS. Sikap positif guru terhadap sesuatu pendekatan PdPc mempunyai hubungan dengan tahap kemahiran pelaksanaan guru dalam merancang aktiviti PdPv di dalam bilik darjah.

KESIMPULAN

Dapatkan kajian ini diharap dapat membantu pihak-pihak tertentu dalam usaha meningkatkan lagi pelaksanaan kaedah PBM dalam KOMSAS. Bagi pihak pentadbir sekolah pula haruslah menitikberatkan dengan memberi pendedahan kepada guru tentang kaedah terkini yang diperkenalkan oleh KPM seperti memberi galakan kepada guru untuk menyertai kursus-kursus yang dianjurkan oleh KPM. Pihak sekolah juga digalakkan untuk menganjurkan ceramah tentang inovasi terkini di sekolah supaya semua guru mendapat pendedahan tentang kaedah PBM dan kaedah-kaedah terkini seperti yang disarankan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (KPM, 2013). Hal ini dapat membantu guru mempelbagaikan kaedah dalam pengajaran. Guru juga perlu bertindak aktif dengan mengambil tahu tentang inovasi dalam pendidikan yang berlaku melalui Internet, media masa, media cetak dan lain-lain. Dengan adanya aktiviti tersebut dapat meningkatkan pengetahuan guru tentang sesuatu kaedah seterusnya memberi impak yang positif kepada kemahiran pelaksanaan dan sikap guru.

RUJUKAN

- Alexander, R.J. & McDougall, R.S. (2001). *Collaborative problem solving in student learning*. New Zealand: University of Otago Press.
- Alizah Lambri & Zamri Mahamod. (2016). Pendekatan berpusatkan pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu bagi membentuk kemahiran insaniah pelajar di Universiti Awam. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 7, 25-34.
- Arniza Mokhtar & Zamri Mahamod. (2018). *Kemahiran bernilai tambah: Teori dan amali*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Chew Fong Peng. (2009). Pendidikan Sastera Perpaduan Menerusi KOMSAS Tingkatan 4: Pelaksanaan dan Kesannya. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 34(2), 5-3.
- Gulsum Araz & Semra Sungur. (2007). Effectiveness of problem-based learning on academic performance in genetics. *Biochemistery and Molecular Biology Education*, 35(6), 448-451.
- Habsah Mohamed. (2014). Hubungan gaya pengajaran guru terhadap gaya pembelajaran dan pencapaian pelajar tingkatan empat di Putrajaya. Tesis Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Kalu, I., Uwat, L.E. & Asim, A.E. (2005). Nigerian teacher' attitude towards environmental sustainability in the school curriculum. International conference on energy, environment and disasters-INCEED 2005. Charlotte, NC, USA. 24-30 Julai. Diakses pada 20 April.2014. <http://users.wfu.edu/currcm2/Appendix%20A.pdf>
- Kamaruddin Ismail. (2010). Pengetahuan, kemahiran pelaksanaan dan sikap guru kimia terhadap kaedah pembelajaran koperatif. Tesis Sarjana Pendidikan. (Tidak diterbitkan). Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri. (2007). *Pendidikan Islam: Kaedah pengajaran dan pembelajaran*. Johor Bharu: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Kamaruzaman Moidunny. (2009). Keberkesanan program kelayakan profesional kepengetuaan kebangsaan (NPQH). Tesis Doktor Falsafah. (Tidak Diterbitkan). Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Magdaline anak Nor & Zamri Mahamaod. (2016). *Pengetahuan pedagogi kandungan guru Bahasa Iban*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nur Aisyah Mohd Noor. (2011). Pembangunan dan penilaian perisian PPBK (Multimedia) novel Istana Menanti dalam Komponen Sastera Bahasa Melayu Tingkatan 1. Tesis Sarjana Pendidikan. (Tidak Diterbitkan). Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Rohani Aziz. (2011). Pengetahuan, sikap dan kemahiran ICT di kalangan guru-guru Matematik di sekolah menengah Pahang. Tesis Sarjana Pendidikan. (Tidak Diterbitkan). Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, bangi.
- Rosnaini Mahmud. (2006). Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam pendidikan. Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam pengajaran dan pembelajaran. Tesis Doktor Falsafah. (Tidak Diterbitkan). Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rozaiman Makmun. (2015). Teknologi, pedagogi dan pengetahuan kandungan guru dalam pengajaran Kesusasteraan Melayu. Tesis Doktor Falsafah. (Tidak Diterbitkan). Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Saemah Rahman & Zamri Mahamod. (2017). *Inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran: Mengoptimumkan pembelajaran pelajar*. (Pnyt.). Kuala Lumpur: Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Zaleha Mohd Nor. (2015). Pelaksanaan Konsep 5P (penggabungan, penyerapan, pengayaan, pemulihan dan penilaian) dalam pengajaran Bahasa Melayu. Tesis Sarjana Pendidikan. (Tidak Diterbitkan). Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Suzilawati Shamsuddin. (2007). Kesan penggunaan pendekatan pembelajaran berdasarkan masalah terhadap pencapaian, kemahiran proses sains dan motivasi pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran Biologi. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. (Tidak Diterbitkan). Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Zamri Mahamod. (2014). *Inovasi P & P dalam Pendidikan Bahasa Melayu*. Cetakan Ketiga. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Zamri Mahamod. (2016). *Sosiolinguistik dan pengajaran bahasa*. Bangi: Penerbitan Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zanariah Wahab. (2017). Pengetahuan, kemahiran pelaksanaan dan sikap guru Bahasa Melayu sekolah rendah terhadap pendekatan didik hibur. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. (Tidak Diterbitkan). Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.